



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANCANGAN DAN HALA TUJU YB MENTERI SUMBER MANUSIA UNTUK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) PADA TAHUN 2024

Saya telah mendengar taklimat dari Bahagian/Jabatan dan Agensi di bawah KSM dan beberapa dasar dan perancangan Kementerian bagi tahun 2024 akan diteruskan. Namun, saya berpandangan bahawa penambahan nilai boleh dilaksanakan kepada **konsep tripartisme** dengan menjajarkan inisiatif bagi tahun 2024 yang akan menjurus kepada kesejahteraan pemegang taruh.

Ini adalah selaras dengan nilai-nilai strategi Malaysia Madani. Antara **value proposition** yang saya akan laksanakan adalah seperti memperkuat jaringan kerjasama antara Kerajaan, majikan dan pekerja bagi menghasilkan sesuatu dasar yang lebih inklusif dan partisipatif. Ini boleh dicapai melalui sesi dialog biasa, perundingan dan inisiatif bersama. Bagi mendepani tahun 2024 yang dirasakan agak mencabar ini, terdapat beberapa perancangan Kementerian terutama di peringkat dasar yang akan dilaksanakan.

(1) Pembangunan Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara (2024 – 2030)

Kementerian Sumber Manusia terus komited untuk memastikan pasaran buruh negara terus kukuh dan relevan. Bagi mempersiapkan pasaran buruh yang kompeten dalam menghadapi cabaran masa hadapan seperti perkembangan **teknologi digital, agenda negara menua, pekerjaan hijau, ketidakpadanan pekerjaan dan keperluan pekerjaan wajar (decent work)**, KSM sedang giat menyediakan rangka kerja **Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) 2024 – 2030** yang dijangka siap pada suku kedua 2024.

Kajian ini akan melibatkan penglibatan yang meluas dengan semua pihak berkepentingan termasuk majikan dan pekerja. Rangka kerja

dasar tersebut dibangunkan dengan hasrat untuk mencapai **sasaran 35% tenaga kerja mahir** menjelang 2023 di samping menyokong konsep pekerjaan wajar di bawah Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) serta Agenda Pembangunan Mampan. Rangka kerja DSMN juga akan mendukung aspirasi YAB Perdana Menteri di bawah konsep Malaysia MADANI bagi memastikan hak dan kesejahteraan pekerja sentiasa terpelihara.

(2) Pindaan Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Pindaan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)

Bagi memastikan golongan pekerja di negara ini mendapat keadilan sosial menyeluruh, saya akan meneruskan usaha untuk menyeragamkan peruntukan perundangan perburuhan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan mempercepat pindaan Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76). Pindaan ke atas kedua-dua undang-undang perburuhan ini dijangka akan dibentangkan dalam sesi Parlimen pada tahun 2024.

(3) Pengurusan Isu Pekerja Gig (*P-Hailing*)

Kerajaan amat prihatin terhadap aspek perlindungan dan kebajikan pekerja-pekerja gig. Sehubungan dengan itu, KSM telah menubuhkan **Jawatankuasa Pro Tem Penggiat Gig 2024** di peringkat Kementerian bertujuan untuk mengendalikan isu-isu berkaitan pekerja gig. Kementerian juga akan mengeluarkan **Garis Panduan Gig (*P-Hailing*) 2024** yang akan memberi panduan mengenai aspek perlindungan dan kebajikan serta mewujudkan persekitaran harmoni kepada semua pihak dalam ekosistem gig ini.

Selain itu, Kementerian bekerjasama rapat dengan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri ke-4 (MED4IRN) melalui Jawatankuasa Ekonomi Perkongsian (JKEP) dalam usaha membangun **kerangka dasar kawal selia dan perundangan yang bersesuaian**. Justeru, Kementerian merancang menjalankan kajian berkaitan pasaran buruh digital dalam ekonomi gig fokus kepada pekerja *P-Hailing* di Malaysia.

(4) Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif

Bagi memastikan reformasi pasaran buruh negara bergerak ke arah peningkatan produktiviti seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan, KSM

bekerjasama rapat dengan Kementerian Ekonomi bagi pelaksanaan Dasar Gaji Progresif. Ia penting bagi memastikan pekerja menerima gaji yang setimpal dengan kelayakan, kemahiran dan produktiviti yang dihasilkan.

Kertas Putih cadangan dasar gaji progresif telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 30 November 2023 dan Dewan Negara pada 14 Disember 2023. Seterusnya, cadangan projek rintis dasar gaji progresif dijangka akan bermula pada bulan Jun 2024 dengan sasaran sebanyak 1,000 syarikat. Ia akan melibatkan pekerja daripada pelbagai sektor yang bergaji kurang dari RM5,000.00 sebulan.

KSM akan mengetuai kesemua 4 Jawatankuasa Kerja (JK) di bawah Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif sepertimana yang telah ditetapkan dalam Kertas Putih Dasar Gaji Progresif. Senarai keempat-empat Jawatankuasa tersebut ialah:

- (i) **JK Kerja Pembangunan Dasar;**
- (ii) **JK Kerja Pembangunan Sistem;**
- (iii) **JK Kerja Peningkatan Kemahiran; dan**
- (iv) **JK Kerja Cadangan Panduan Kenaikan Gaji Tahunan.**

(5) Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM)

Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi, Jabatan Perdana Menteri (PACU) telah membangunkan Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang baharu bertujuan untuk menggabung, memeta dan menyusun strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang di bawah dasar-dasar utama negara yang melibatkan semua kementerian. Teras Strategik KSMM telah diujarkannya dengan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia KE-12 (RMK12) dan tumpuan utama Bajet 2024.

Tujuan utama penganjuran Sesi Libat Urus Pelaksanaan Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) mengikut kluster adalah seperti berikut:

- (i) **memberi penerangan mengenai Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM);**

- (ii) memaklumkan mengenai tugas utama dan peranansemasa PACU iaitu:
 - (a) sebagai Sekretariat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MADANI yang menyelaras *Ministerial Performance Review* (MPR) untuk Anggota Jemaah Menteri;
 - (b) sebagai Sekretariat dan penyelaras utama Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang telah diadakan pada 8 hingga 10 Disember 2023 di Stadium Bukit Jalil;
 - (c) sebagai Penyelaras Program Bitara MADANI di bawah Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR); dan
 - (d) sebagai Pemantau dan pemudah cara pelaksanaan program/projek kementerian di bawah KSMM.

Cadangan **kriteria inisiatif** yang akan dimasukkan dalam KSMM adalah seperti berikut:

- (i) inisiatif KSMM kementerian diwajibkan dengan KPI Ketua Setiausaha (KSU) atau KPI YB Menteri masing-masing bagi memudahkan pelaporan dan pemantauan;
- (ii) inisiatif yang dikemukakan oleh kementerian/agensi hendaklah minimum tiga (3) program dan maksimum enam (6) program; dan
- (iii) senarai inisiatif KSMM kementerian hendaklah mendapat kelulusan KSU masing-masing.

(6) Perlindungan Keselamatan Sosial kepada Pekerja

Perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja akan diberikan selaras dengan perkembangan semasa terutamanya risiko seperti **perubahan iklim, teknologi, pola ekonomi dan pasaran kerja**. Dalam hal ini, selaras dengan tema Belanjawan 2024 iaitu “Reformasi Ekonomi, Memperkasakan Rakyat” kebajikan rakyat akan dilindungi menerusi peningkatan siling gaji bulanan bagi

caruman PERKESO daripada RM5,000 kepada RM6,000. Peningkatan ini akan meningkatkan faedah tunai pada kadar 20.2% untuk manfaat 1.45 juta pekerja dan orang tanggungan mereka. Peningkatan ini seterusnya dapat menambah baik perlindungan keselamatan sosial PERKESO dengan meningkatkan faedah-faedah bagi kedua-dua Akta seperti Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Pencen Ilat, Pencen Penakat, Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Bekerja Semula Awal dan lain-lain yang berkaitan.

(7) Pengurusan Pekerja Asing

Pengurusan pekerja asing mestilah berteraskan kepada tiga (3) kriteria utama iaitu saringan majikan dari segi pematuhan undang-undang perburuhan, kelulusan pekerja asing berpaksikan keperluan sebenar (*genuine demand*) daripada majikan berlandaskan kuota yang ditetapkan mengikut sektor dan keselamatan negara dari segi negara sumber dan individu yang dibawa masuk bagi tujuan penggajian. Ketiga-tiga kriteria ini amatlah penting dalam memastikan aspek pertumbuhan ekonomi, kelangsungan perniagaan akan berterusan dan keselamatan negara dijamin daripada anasir-anasir luaran. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan pekerja asing, Kementerian ini juga akan memberi sepenuh perhatian dalam mengoptimumkan tenaga kerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara dan peralihan kepada automasi dan mekanisasi.

Kesimpulan

Saya berharap dengan perancangan dan hala tuju ini, KSM akan dapat mencapai matlamatnya untuk memastikan pasaran buruh negara terus kukuh serta memastikan pekerja menerima gaji yang setimpal dengan kelayakan, kemahiran dan produktiviti yang dihasilkan.

YB. STEVEN SIM
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
19 DISEMBER 2023